

ALVIN GOH DIREMAN 21 HARI

Suspek utama kes pengubahan wang haram, judi dalam talian disiasat mengikut POCA

Oleh **Muhaamad Hafis Nawawi**
mhafis@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Suspek utama kes pengubahan wang haram dan judi dalam talian yang melarikan diri sebaik dibebaskan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan disiasat mengikut Akta Pencegahan Jenayah (Poca) 1959.

Terdahulu, lelaki terbabit, Goh Leong Yeong atau Alvin Goh, 32, ditahan polis se-

lepas bersembunyi di sebuah pusat peranginan di Pahang pada Selasa lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kuala Lumpur, Senior Asisten Komisioner Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid berkata, suspek itu direman selama 21 hari untuk membantu siasatan.

“Suspek terbabit ditahan mengikut Poca selepas tempoh remannya di bawah Seksyen 4 (1) (c) Akta Rumah Judi Terbuka 1953 tamat semalam (kelmarin).

“Permohonan reman di bawah Poca itu diperoleh se-

lama 21 hari bagi membantu siasatan lanjut,” katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.

Sebelum ini, Alvin yang bersembunyi dengan bantuan teman wanitanya yang juga warga China ditahan polis selepas 15 hari melarikan diri sebaik dibebaskan SPRM.

Pada 16 Oktober lalu, Harian Metro melaporkan suspek dikatakan berjaya meloloskan diri dengan sebuah kenderaan yang menunggunya selepas memanjat pagar belakang bangunan

SPRM di Putrajaya.

Difahamkan, ketika kejadian, lelaki berkenaan bersama tiga lagi suspek terdiri daripada dalang utama serta dua anggota polis dalam proses diserahkan kepada polis untuk siasatan berhubung kegiatan judi dalam talian dan penipuan Macau Scam.

Sebelum ini, anggota polis berpangkat koperal dan lelaki bergelar Datuk direman selama 21 hari sehingga 3 November depan bagi membantu siasatan kes perjudian dalam talian di Cheras.

Baru-baru ini, SPRM membongkar kegiatan sege-lintir individu yang disyaki terbabit dengan kegiatan haram termasuk perjudian bertindak memerangkap sege-lintir artis tempatan dengan menawarkan bantuan modal memulakan perniagaan.

Ia susulan tangkapan lima individu termasuk Datuk pada 3 Oktober lalu oleh SPRM selepas seorang selebriti terkenal dipanggil untuk dirakam percakapannya.

Ketua Pesuruhjaya SPRM,

Datuk Azam Baki mendedahkan, pihaknya menahan 20 individu termasuk lapan pegawai polis dan seorang warga China, selain akan membuat beberapa siri tangkapan lain.

SPRM juga membekukan kira-kira RM101 juta daripada 736 akaun bank dan menyita wang tunai RM5 juta serta merampas 23 kenderaan mewah pelbagai jenama serta motosikal berkuasa tinggi dipercayai dibeli hasil daripada aktiviti judi dalam talian tempatan.